



مَجْلِيسِ إِيمَانِ مُسْلِمِيَّةِ مَوْلَى دَارِالْعِيَادَةِ

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

PELAN STRATEGIK 2018-2022







مجليس ائمه اسلام ملاز عادت ملاجئ رعائت تکاليف
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU


Pelan Strategik 2018 - 2022



Isi Kandungan

Perutusan Yang Dipertua	4
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	5
Bab 1 - Pendahuluan	6
• Ringkasan Eksekutif	
• MAIDAM Sepintas Lalu	
• Carta Organisasi	
• Punca Kuasa	
BAB 2 - Senario Persekitaran	16
• Pihak Berkepentingan	
• Pelanggan	
• Rakan Strategik	
• Analisa Persekitaran	
BAB 3 - Hala Tuju Strategi	22
• Visi, Misi dan Moto	
• Matlamat Utama	
• Objektif	
• Dasar	
BAB 4 - Strategi dan Formulai Tindakan	26
• Teras Strategik	
• Pelan Tindakan dan Strategi	
BAB 5 - Implementasi ke Arah Kejayaan	42
• Mekanisme Pelaksanaan	
• Elemen Penentu Kejayaan	
BAB 6 - Melangkah Ke Hadapan	48
• Mendepani Era Digital	
Akronim	50

Perutusan Yang Dipertua



Assalamualaikum

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur setulusnya disembahkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam diucapkan kepada Nabi Muhammad SAW semulia-mulia nabi dan rasul, seterusnya kepada ahli keluarga baginda dan para sahabat sekaliannya.

Terima kasih kepada MAIDAM kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam dokumen Pelan Strategik MAIDAM 2018 - 2022 ini. Pada hemat saya, dokumen ini amat penting sebagai mekanisme utama dalam gerak kerja MAIDAM untuk mencapai visi dan misinya bagi tempoh lima tahun akan datang. Ia selaras dengan situasi Pengurusan Baitulmal bagi memartabatkan sosio-ekonomi umat Islam melalui pemerkasaan perkhidmatan teras yang amanah, berintegriti dan menepati syarak. Justeru, segala perancangan dan pelaksanaan program memerlukan pendekatan yang strategik, yang boleh menghasilkan impak bernilai tinggi demi merealisasikan ketinggian Islam dan memenuhi maslahat ummah keseluruhannya.

Saya amat yakin terhadap keupayaan kakitangan dan pegawai MAIDAM, selaku organisasi tunggal pengurusan zakat, wakaf dan mal di peringkat negeri, dengan gabungan usaha dan tenaga daripada semua agensi pelaksana di peringkat negeri dan swasta, sama-sama dapat berperanan mengurus dan mentadbir pengurusan MAIDAM dengan berkesan. Banyak kejayaan telah terbukti hasil penggembangan usaha dan tenaga ini yang meletakkan MAIDAM sebagai institusi pengurusan zakat, wakaf dan mal yang terbaik dalam Negeri Terengganu.

Saya berharap, dokumen pelan strategik ini bukan sahaja menjadi panduan utama kepada warga kerja MAIDAM, bahkan sebagai rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan, jabatan kerajaan dan swasta.

Sekian. Terima kasih. Wasalam

DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Assalamualaikum

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana diberi kesempatan untuk memberi sepatah dua kata dalam dokumen Pelan Strategik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu 2018 - 2022. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan dokumen pelan strategik ini. Semoga apa yang direncanakan di dalam buku ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Saya melihat MAIDAM boleh melangkah jauh ke depan sepanjang 5 tahun akan datang dengan bertindak sebagai sebuah organisasi tunggal yang bertanggungjawab dalam hal ehwal tadbir urus zakat, wakaf dan mal di negeri ini. Perancangan Strategik MAIDAM (2018 - 2022) untuk 5 tahun ini adalah amat penting sebagai suatu langkah untuk memastikan MAIDAM dapat menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh muafakat, berintegriti serta berdaya saing disamping mengekalkan akauntabiliti yang cekap dan cemerlang.

Melalui perancangan yang jelas dan sistematik seperti yang terkandung di dalam dokumen Pelan Strategik, ia dapat membantu MAIDAM dalam pelaksanaan segala aktiviti dan program yang akan memberi manfaat kepada seluruh umat Islam dalam pengurusan dan pembangunan hartaan zakat, wakaf dan mal dalam negeri ini. MAIDAM mampu untuk terus mengorak langkah mendepani cabaran yang mendarat demikian untuk kemaslahatan umat dan syiar Islam di Negeri Terengganu.

Harapan saya, semoga MAIDAM tidak akan kenal erti penat dan lelah dalam memenuhi tuntutan pelanggan dan stakeholder serta terus kekal relevan sebagai organisasi unggul dalam pengurusan Baitulmal. Selamat Maju Jaya saya ucapkan kepada seluruh warga MAIDAM dalam mengemudi pengurusan zakat, wakaf dan mal demi kesejahteraan ummah.

”

Sekian. Terima kasih. Wasalam.

HAJI W ISMAIL SAHAIMI BIN HAJI W OMAR

BAB 01

Pendahuluan

Ringkasan Eksekutif

MAIDAM Sepintas Lalu

Carta Organisasi

Punca Kuasa

Ringkasan Eksekutif

Pelan Perancangan Strategik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) 2018 - 2022 ini digubal selaras dengan visi dan misi untuk tempoh lima tahun akan datang. MAIDAM telah menentukan kedudukannya di dalam jajaran visi dan misi untuk menjadikan MAIDAM adalah sebagai sebuah Institusi Islam Yang Terbilang Menjelang 2022. MAIDAM juga akan terus melestarikan Pengurusan Baitulmal untuk memartabatkan sosio-ekonomi umat Islam melalui pemerkaan perkhidmatan teras yang amanah, berintegriti dan menepati syarak. Ia juga mengambil kira dasar-dasar perkhidmatan awam yang diputuskan oleh pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) mengenai peningkatan kualiti sistem penyampaian kepada pelanggan dengan menambahbaik kerjasama strategik dengan mana-mana entiti bagi mencapai suatu matlamat bersama.

Pelan ini mengandungi latar belakang jabatan, hala tuju strategik dan pelan tindakan bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik MAIDAM untuk tempoh lima tahun akan datang. Bagi merealisasikan visi dan misi MAIDAM, sebanyak tiga (3) teras strategik, dua belas (12) strategi dan lima puluh lima (55) program telah digariskan bagi pelaksanaan sehingga tahun 2022. Kesemua strategi yang dirancang adalah selaras dengan dasar-dasar yang diputuskan oleh Majlis, kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan (*Stakeholder*). Pelan Strategik MAIDAM ini juga akan berjalan seiring dengan dasar pentadbiran negeri iaitu bagi kesejahteraan dan kebaikan rakyat Negeri Terengganu.

Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Mesyuarat Pengurusan Jabatan akan meneliti status pelaksanaan program bagi mengenalpasti pencapaian sasaran mengikut ketetapan yang telah ditentukan. Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi menentukan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran tercapai.



**Pelan
Strategik
MAIDAM**
● ● ● ●
2018 - 2022

MAIDAM Sepintas Lalu

Senarai Nama Yang Dipertua MAIDAM Bermula Tahun 1919

		Pemangku	Pemangku	
Tengku Sri Utama Raja	Tengku Sri Bijaya Raja	Dato' Kamal Wangsa	Dato' Sri Amar Diraja	Dato' Bija Sura
YM. Tengku Ngah bin Abdul Rahim	YM. Tengku Chik Ahmad bin Abdul Rahman	YBhg. Dato' Haji Wan Sulaiman bin Daud	YBhg. Dato' Haji Ngah bin Yusof	YBhg. Dato' Nik Mohd bin Hitam
25.9.1919 - 16.9.1922	1.8.1924 - 8.2.1929	10.4.1929 - 28.4.1930	1.1.1932 - 25.8.1940	16.9.1940 - 30.6.1942

Dato' Perwira Negara YBhg. Dato' Haji Wan Saleh bin Haji Wan Mahmud 1.7.1981 - 15.2.1988	Dato' Bentara Dalam YBhg. Dato' Haji Wan Mohd Nor bin Endut 16.1.1979 - 30.6.1981	Tengku Sri Bijaya Raja YM. Tengku Abdul Jali bin Tengku Sri Setia Raja 1.1.1976 - 15.1.1979	Tengku Sri Indera Raja YAM. Raja Zainal Karib Shah ibni Harun Al Rasyid Shah 1.1.1972 - 31.12.1975	Encik Abu Johan bin Johar 1.5.1970 - 1.9.1971
--	---	---	--	--

Dato' Purba Diraja YBhg. Dato' Haji Wan Abdul Rahman bin Long 19.10.1943 - 21.1.1945	Dato' Indera Guru YBhg. Dato' Haji Wan Abdul Manan bin Haji Wan Yaakub 16.2.1988 - 31.12.1989	Tengku Sri Indera Raja YAM. Raja Zainal Karib Shah ibni Harun Al Rasyid Shah 1.1.1990 - 31.5.1991	Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mizan Zainal Abidin ibni Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah 1.6.1991 - 31.12.1995	Dato' Sri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad 1.1.1996 - 29.11.1999
--	---	---	--	---



**Senarai Nama Ketua Pegawai Eksekutif / Setiausaha
MAIDAM Bermula 1956**

	NAMA	TARIKH PERKHIDMATAN		CATATAN
		MULA	HINGGA	
1.	Tuan Haji Mohd Salleh Bin Haji Awang	1/7/1956	31/12/1971	
2.	Tuan Haji Abd. Rahman Bin Mohamad	1/1/1972	31/12/1973	
3.	Tuan Haji Mohd Alif Bin Yeop Abas	1/1/1974	31/5/1977	
4.	Tuan Haji Che Mat Bin Jusoh	1/6/1977	30/3/1978	
5.	Tuan Haji Awang Bin Abdul Jabar	1/4/1978	1/9/1978	
6.	Tuan Haji Ismail Bin Ali	2/9/1978	29/2/1992	
7.	Encik Padzal Bin Haji Mokhtar	1/3/1992	15/11/1993	
8.	YM. Syed Mohammad Nor Bin Tuan Long	16/11/1993 1/6/1994	31/5/1994 31/12/1995	Memangku
9.	Y. Bhg. Dato' Haji Ismail Bin Ali	1/1/1996	9/9/1998	


(KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / SETIAUSAHA)


10.	YM. Dato' Tengku Hassan Bin Tengku Omar	10/9/1998	31/7/1999	
11.	Y. BHG. Dato' Mamat Bin Abdullah	1/8/1999	31/7/2001	
12.	Y. BHG. Dato' Haji Alwi Bin Muhamad	1/8/2001	15/9/2002	
13.	YM. Dato' Engku Mohamed Bin Engku A. Rahman	16/9/2002	14/12/2002	Menanggung Kerja
14.	En. Wan Zahari Bin Wan Ngah	15/12/2002	19/4/2004	
15.	Tuan Haji Mohamad Alim Bin Muda	20/4/2004	24/12/2004	
16.	Y. Bhg. Dato' Haji Alwi Bin Muhamad	12/1/2005	11/1/2009	
17.	Tuan Haji Wan Harujan Bin Sulaiman	12/1/2009	30/11/2012	
18.	Y. Bhg. Dato' Haji Mohd Razali Bin Salleh	1/12/2012	17/5/2015	
19.	Y. Bhg. Dato' Haji Omar Bin Musa	1/7/2015	4/9/2016	
20.	Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Bin Wan Ibrahim	5/9/2016	31/12/2017	
21.	Haji W Ismail Sahaimi bin Haji W Omar	1/1/2018	10/11/2018	
22.	Haji M. Rozi bin Bidin	6/1/2019	Sekarang	



Carta Organisasi

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu





Punca Kuasa

- 1** Perlembagaan Persekutuan
- 2** Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001 (Pindaan 2012)
- 3** Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam 2015
- 4** Pekeliling Perbendaharaan
- 5** Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran 2016
- 6** Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015
- 7** Enakmen Wakaf 2016
- 8** Tatacara Pengurusan Kewangan
- 9** Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Pindaan 2013)
- 10** Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Prosedur Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu) 1991
- 11** Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Peraturan-Peraturan Tanah Perkuburan Islam) 1992.
- 12** Peraturan-Peraturan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Masjid) 2004.
- 13** Kaedah-Kaedah Pendaftaran dan Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988.
- 14** Peraturan-Peraturan Tatatertib Pegawai Masjid 2015.
- 15** Arahan Perbendaharaan
- 16** Akta Acara Kewangan 1957
- 17** Akta Badan Berkanun 240



BAB 02

Senario Persekitaran

Pihak Berkepentingan

Pelanggan


Rakan Strategik

Analisa Persekitaran

Pihak Berkepentingan



Pelanggan



Rakan Strategik

Mengenalpasti Rakan Strategik

Rakan strategik/Rakan kongsi strategik boleh ditakrifkan sebagai suatu organisasi/kumpulan/pertubuhan/entiti yang menjalankan kerjasama dengan agensi awam dalam bentuk yang tertentu bagi mencapai suatu matlamat bersama.

Organisasi/kumpulan/pertubuhan/entiti berkenaan pula tidak semestinya merupakan pelanggan ataupun pihak yang berkepentingan ke atas agensi awam tersebut sebaliknya boleh terdiri daripada sebarang entiti luar yang berpotensi bekerjasama secara strategik dengan agensi mencapai matlamat bersama :

- **SUK Terengganu**
- **Pejabat Undang-Undang Negeri**
- **Perbendaharaan Terengganu**
- **Agensi Kerajaan Negeri**
- **Agensi Kerajaan Persekutuan**
- **Badan Berkanun Negeri**
- **Badan Berkanun Persekutuan**
- **IPTA/IPTS**
- **Media Massa**
- **Agensi Kerajaan Di Luar Negara**
- **Bank/Institusi Kewangan**
- **Agensi Swasta**

Analisa Persekitaran

Sebagai sebuah jabatan tunggal yang meneraju pengurusan zakat, wakaf dan mal di Negeri Terengganu, isu dan cabaran yang dihadapi oleh MAIDAM adalah menjurus kepada pengurusan zakat serta pengurusan harta-harta wakaf demi memantapkan pengurusan baitulmal ke arah kelestarian ummah dan syiar Islam. Isu dan cabaran dalaman mahupun luaran hendaklah diatasi dan diselesaikan sebaik mungkin. Analisa persekitaran MAIDAM dibuat adalah berdasarkan kaedah analisa SWOT :-

Cabaran 1: Pengurusan Asnaf

Cabarannya utama adalah untuk mengubah nasib keluarga golongan penerima zakat melalui pendidikan. Objektif ini tidak dapat dilihat hasilnya dalam tempoh terdekat dan lebih kepada sasaran jangka masa panjang dengan memberi bantuan pendidikan kepada anak-anak golongan penerima zakat.

Bagi membantu golongan asnaf mengubah kehidupan dalam jangka masa sederhana pula, MAIDAM berdepan cabaran melahirkan usahawan berjaya dari golongan asnaf. Matlamat ini diharap dapat meringankan beban sosio-ekonomi yang dihadapi.

Namun begitu sebahagian besar penerima zakat bergantung sepenuhnya kepada bantuan zakat semata-mata, tidak menunjukkan perubahan sikap yang nyata dalam mengubah nasib diri dan keluarga agar terkeluar dari senarai penerima zakat.

Cabaran 2: Pembangunan Kapasiti Dalam

MAIDAM secara jelas mempunyai punca kuasa yang khusus di dalam pengurusan zakat, wakaf, mal dan juga mempunyai enakmen sendiri iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001 (Pindaan 2012) untuk penggubalan tatacara sesuatu peraturan. Ini membolehkan MAIDAM bergerak dengan mudah, meringkaskan sesuatu peraturan kerja bagi menambahbaik urusan kerja bagi kemudahan pelanggan MAIDAM.

Walaubagaimanapun, MAIDAM mempunyai sumber manusia yang amat terhad berbanding dengan peranan dan tanggungjawab MAIDAM yang meliputi seluruh Negeri Terengganu. Ini sedikit sebanyak menjelaskan MAIDAM dalam menyampaikan mutu perkhidmatan terbaik tambahan pula MAIDAM masih tidak memiliki pejabat sendiri, masih menumpang di pejabat jabatan lain.

Cabaran 3: Kedudukan Ekonomi Semasa

Peningkatan hasil kutipan zakat yang meningkat dari semasa ke semasa membantu mengukuhkan kedudukan kewangan MAIDAM. Walaubagaimanapun, ketidakstabilan ekonomi semasa sedikit sebanyak mempengaruhi kadar kutipan zakat.

Pelbagai usaha dari pihak MAIDAM untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dalam usaha memantapkan lagi bantuan yang dapat diberikan kepada pelanggan-pelanggan MAIDAM. Antaranya mempelbagaikan sumber dana kewangan dan platform pelaburan untuk menjana pendapatan.

Cabaran 4: Impak Media Sosial

Disebalik kehebatan dunia internet tanpa sempadan, MAIDAM berhadapan dengan cabaran media sosial yang menjadi platform utama dan paling mudah mempengaruhi pemikiran orang ramai. Masyarakat sekarang lebih mempercayai maklumat yang dipaparkan dalam media sosial tanpa menyelidik kesahihan maklumat tersebut.

Antara isu yang sering menjadi perhatian di media sosial adalah isu pungutan dan agihan zakat, pemilikan aset MAIDAM dan pelbagai lagi. Kekeliruan maklumat ini sedikit sebanyak menjatuhkan imej MAIDAM selaku badan yang bertanggungjawab di atas urusan zakat bagi Negeri Terengganu.

Cabaran 5: Tahap Kesedaran Pembayar Zakat

Kesedaran akan tanggungjawab membayar zakat dilihat masih di tahap yang rendah terutama ke atas zakat harta. Bagi zakat fitrah pula, umat Islam sememangnya tidak ketinggalan untuk membayar di setiap Bulan Ramadhan. Masih ramai yang beranggapan, apabila selesai pembayaran zakat fitrah, maka kewajipan mereka telah selesai sebagai umat Islam.

Kurang kefahaman terhadap jenis-jenis zakat harta yang ada seperti zakat perniagaan, zakat emas, zakat perak, zakat simpanan, zakat pertanian, zakat ternakan, zakat takaful, zakat saham dan zakat KWSP menyebabkan ramai umat Islam baik individu maupun syarikat perniagaan masih tidak membayar zakat harta.

Terdapat juga sebahagian kecil dari masyarakat tidak berkeyakinan dengan institusi yang dilantik kerajaan dan membayar kepada bukan saluran kerajaan atau terus kepada asnaf yang layak bagi pemikiran mereka.



BAB 03

Hala Tuju Strategik

Visi, Misi & Moto

Matlamat Utama

Objektif

Dasar



Visi

Menjadikan MAIDAM sebuah Institusi Islam Yang Terbilang Menjelang 2030.



Misi

Melestarikan Pengurusan Baitulmal Untuk Memartabatkan Sosio-Ekonomi Umat Islam Melalui Pemerksaan Perkhidmatan Teras Yang Amanah, Berintegriti Dan Menepati Syarak.



Moto

Amanah Darul Iman

- Amanah bermaksud Majlis dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya berpegang kepada prinsip jujur dan amanah.
- Darul Iman bermaksud Negeri Terengganu yang bergelar Darul Iman ialah negeri di mana Majlis dipertanggungjawabkan dalam perkara berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.




Matlamat Utama

Selaras dengan peruntukan Fasal 4 (1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama) dan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Pentadbiran Islam (Terengganu) 2001 (Pindaan 2012), adalah menjadi matlamat utama MAIDAM untuk terus membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dalam semua perkara yang menyentuh hal ehwal agama, pembangunan syiar Islam serta kesejahteraan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Terengganu berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

Objektif

- 1** Pengembangan syiar Islam di Negeri Terengganu melalui peningkatan kefahaman dan dakwah Islamiyyah, pengukuhan aqidah, pemurnian akhlak dan perlindungan hidup (duniawi dan ukhrawi) khususnya kepada golongan sasaran dan yang berisiko tinggi.
- 2** Peningkatan kefahaman tentang kewajipan membayar zakat di kalangan orang Islam Negeri Terengganu.
- 3** Pembangunan ekonomi yang lebih bersepada dan halal dengan menggunakan pendekatan yang berupaya untuk membebaskan umat Islam daripada garis kefakiran, kemiskinan dan kejahanan.
- 4** Pelaksanaan dan penyaluran agihan zakat dan sumber lain secara efisyen, adil dan berkesan dengan memberi keutamaan kepada asnaf-asnaf dan golongan sasaran ke arah pencapaian matlamat dan objektif MAIDAM.
- 5** Peningkatan kebajikan kepada anak yatim, kanak-kanak, wanita dan warga emas yang berisiko tinggi dari pelbagai sudut, khususnya dalam kalangan fakir, miskin dan mualaf.
- 6** Mempertingkatkan sumber pendapatan tahunan melalui projek pembangunan dan pemilikan aset untuk menjana sosio-ekonomi umat Islam.
- 7** Pembudayaan amalan berwakaf sebagai sedekah jariah di kalangan masyarakat ke arah memperkasakan sosio-ekonomi umat Islam.
- 8** Memastikan harta-harta wakaf dan sumber am terpelihara, berkembang dan dibangunkan berlandaskan syarak.
- 9** Membebaskan umat Islam daripada terjebak dengan amalan riba yang dimanipulasi oleh sistem pajak gadai konvensional melalui kemudahan pinjaman (mikro kredit) secara mudah dan cepat kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Dasar MAIDAM



Berlandaskan kepada **Al-Qur'an** dan **Al-Sunnah** serta **sumber rujukan yang diterimapakai Syarak**.



Pelaksanaan segala projek, program, aktiviti dan inisiatif hendaklah menghala ke arah pencapaian matlamat, objektif, visi dan misi MAIDAM.



Mengamalkan konsep **kerjasama** dan **kesatuan amal secara bersepadu** dan **tersusun** dengan pihak kerajaan, agensi kerajaan, swasta, NGO dan mana-mana pihak ketiga yang mempunyai objektif yang sama berdasarkan polisi-polisi MAIDAM.



Mengamalkan konsep **keutamaan (Al-Aulawiyyat)** dalam setiap keputusan dan pelaksanaan tindakan secara bijaksana, telus dan amanah.



Mengelakkan ketirisan dan **penyelewengan** dalam pelaksanaan projek, program, aktiviti dan inisiatif MAIDAM melalui pematuhan kepada Standard Operating Procedure (SOP) dan peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh MAIDAM.

BAB 04

Strategik dan Formula Tindakan

Teras Strategik

Pelan Tindakan dan Strategik

Teras Strategik

Tiga Teras Strategik MAIDAM



Memperkasakan Pengurusan Zakat Untuk Kemaslahatan Ummah



Memantapkan Pengurusan Mal Ke Arah Kelestarian Ekonomi Umat Islam



Memperkasakan Tadbir Urus, Modal Insan Dan Imej Korporat Ke Arah Organisasi Pentadbiran Islam Yang Cemerlang


Rumusan Keseluruhan Komponen Pelan Strategik MAIDAM 2018-2022:



3 TERAS STRATEGIK



13 STRATEGI



55 PROGRAM / PROJEK



Pengurusan Zakat

- ↳ 5 Strategi
- ↳ 14 Program / Projek
- ↳ Indikator + Sasaran + Tahun / Tempoh + Tanggungjawab



Pengurusan Mal

- ↳ 4 Strategi
- ↳ 19 Program / Projek
- ↳ Indikator + Sasaran + Tahun / Tempoh + Tanggungjawab



Khidmat Pengurusan

- ↳ 4 Strategi
- ↳ 22 Program / Projek
- ↳ Indikator + Sasaran + Tahun / Tempoh + Tanggungjawab

Pelan Tindakan Strategik



MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ZAKAT UNTUK KEMASLAHATAN UMMAH

● **Strategi 1**

Memperkasakan saluran pembayaran zakat bagi meningkatkan kebolehcapaian pembayaran dengan mudah dan sistematik

● **Strategi 2**

Memantapkan aqidah dan kefahaman syariah secara kontemporari dan bersinergi dengan pelaksanaan program tarbiyyah serta memudahkan penyaluran pelbagai bantuan

● **Strategi 3**

Membantu serta meringankan bebanan asnaf dalam memenuhi sebahagian keperluan hidup serta meningkatkan jati diri asnaf

● **Strategi 4**

Memperbanyakkan program keusahawanan dalam meningkatkan pendapatan asnaf melalui produk yang diusahakan

● **Strategi 5**

Membantu para pelajar anak Terengganu samada di peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi

PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN SALURAN PEMBAYARAN ZAKAT BAGI MENINGKATKAN KEBOLEHCAPIAAN PEMBAYARAN DENGAN MUDAH DAN SISTEMATIK

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Program peningkatan pembayar zakat	Peratus peningkatan pembayar zakat	10% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AQIDAH DAN KEFAHAMAN SYARI AH SECARA KONTEMPORARI DAN BERSINERGI DENGAN PELAKSANAAN PROGRAM TARBIYYAH SERTA MEMUDAHKAN PENYALURAN PELBAGAI BANTUAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Pemantapan Program Tarbiyyah Mualaf Dalam Negeri Terengganu	Bilangan Forum/ Kursus Melibatkan Selebriti Mualaf Kebangsaan	1 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Kekerapan semakan Silibus Kelas Bimbingan Saudara Kita dan Kelas Bimbingan al-Quran Saudara Kita	3 tahun sekali	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Bilangan pelaksanaan ujian/ peperiksaan Kelas Bimbingan Saudara Kita dan Kelas Bimbingan al-Quran Saudara Kita	1 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Penambahbaikan penyaluran bantuan kepada mualaf	Bilangan Ziarah Dakwah (Jejak Mualaf Berkeperluan)	15 kali sebulan	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Bilangan Khutbah Jumaat Khas & Program Penerangan - Mualaf Amanah Bersama - di masjid terpilih	3 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat

STRATEGI 3: MEMBANTU SERTA MERINGANKAN BEBANAN ASNAF DALAM MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN HIDUP SERTA MENINGKATKAN JATI DIRI ASNAF

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Skim Bantuan Guaman Kes-kes Mahkamah tuntutan nafkah diri dan anak kepada asnaf	Peratus Penyelesaian Permohonan	80% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Peratus asnaf dibantu untuk pesakit hemodialisis	80% setahun dari permohonan	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Skim Bantuan Perubatan Kepada asnaf	Peratus asnaf dibantu untuk yang berpenyakit kronik serta pembentukan peralatan pembedahan	80% setahun dari permohonan	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Peratus asnaf dibantu melalui perubatan am/biasa	80% setahun dari permohonan	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Penambahbaikan skim bantuan yang sediada	Peratus peningkatan kadar bantuan Sara Hidup, Saran Bulanan Dan Sewa Rumah	5 %	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Bantuan Bina Rumah Baru dan Bantuan Baik Pulih rumah	Peratus asnaf yang dibantu	80% setahun bantuan bina baru 80% setahun untuk baik pulih	2018 - 2022	Pengurusan Zakat

STRATEGI 4: MEMPERBANYAKKAN PROGRAM KEUSAHAWANAN DALAM MENINGKATKAN PENDAPATAN ASNAF MELALUI PRODUK YANG DIUSAHKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Pembangunan Premis Usahawan Asnaf	Bilangan Premis dibangunkan	5 lot	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Bilangan kursus pembungkusan dan pelabelan	2 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Bilangan kursus pengendalian makanan	2 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Kursus-kursus keusahawanan dan kemahiran asnaf	Bilangan kursus makanan dan minuman hasilan pasta dan hasilan herba	1 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Bilangan kursus jahitan langsir	1 sesi setahun (6 bulan)	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
	Bilangan kursus pembuatan kek dan biskut	1 sesi setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Kerjasama Dengan Agensi Luar Untuk Meningkatkan Penghasilan Dan Kualiti Produk Asnaf	Bilangan agensi terlibat	6 agensi	2018 - 2022	Pengurusan Zakat

STRATEGI 5: MEMBANTU PARA PELAJAR ANAK TERENGGANU SAMADA DI PERINGKAT RENDAH, MENENGAH DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Skim Bantuan Persekolahan	Peratus permohonan Ketua Isi Rumah (KIR) yang berkelayakan dibantu	80% setahun berdasarkan kepada permohonan	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Skim Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	Peratus pelajar yang diberi Bantuan Awal Pengajian	90% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Skim Dermasiswa & Bantuan Am Pelajar IPT Dalam dan Luar Negara	Peratus pelajar IPT yang sedang menuntut yang dibantu	70% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat
Program Tajaaan Khas Dalam Dan Luar Negara	Bilangan pelajar cemerlang yang ditaja	20 orang setahun	2018 - 2022	Pengurusan Zakat



MEMANTAPKAN PENGURUSAN MAL KE ARAH KELESTARIAN EKONOMI UMAT ISLAM

● Strategi 1

Memperkuatkan Institusi Mal Dalam Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Umat Islam

● Strategi 2

Memperkasakan Institusi Wakaf Dalam Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Umat Islam

● Strategi 3

Memperkuatkan Pengurusan Harta Majlis Ke Arah Tadbir Urus Yang Lebih Efisyen Dan Sistematik

● Strategi 4

Memantapkan Program Ar-Rahnu MAIDAM Ke Arah Mensejahterakan Ekonomi Umat Islam

■ PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI MAL DALAM MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI UMAT ISLAM

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Pembangunan Projek Fizikal MAIDAM	Bilangan projek fizikal MAL	5 projek	2018 - 2022	Pengurusan Mal
	Bilangan pusat latihan Asnaf	1 pusat latihan	2018 - 2022	Pengurusan Mal
	Bilangan Premis Usahawan Asnaf	5 premis	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Peningkatan Kemudahan Dan Fasiliti Pejabat	Pembinaan Bangunan Baharu Pejabat MAIDAM	70% bangunan baharu MAIDAM siap dibina	2018 - 2022	Pengurusan Mal

STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN INSTITUSI WAKAF DALAM MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI UMAT ISLAM

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Pembangunan Bandar Wakaf	Peratus Pelaksanaan	Fasa 1: 100% Fasa 2: 50%	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Pembangunan hartaanah wakaf	Bilangan projek hartaanah	1 projek setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Pendanaan Wakaf	Jumlah dana dikumpul	RM5 juta	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Pembudayaan Wakaf Tunai Di Kalangan Masyarakat	Peratus Peningkatan Hasil Wakaf Tunai	10% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal

STRATEGI 3: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS KE ARAH TADBIR URUS YANG LEBIH EFISYEN DAN SISTEMATIK

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Program Peningkatan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan & Penyelenggaraan	Peratus penyelenggaraan diselesaikan berdasarkan aduan	90% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Program kutipan hasil sewa berdasarkan anggaran	Peratus Kutipan hasil sewa	90%	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Program pengurangan tunggakan hasil sewa	Peratus Pengurangan tunggakan	15% setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Program Turun Padang Cakna Penyewa	Bilangan Program Turun Padang	4 kali setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal

STRATEGI 4: MEMANTAPKAN PROGRAM AR-RAHNU MAIDAM KE ARAH MENSEJAHTERAKAN EKONOMI UMAT ISLAM

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Peningkatan pemberian pembiayaan Ar-Rahnu kepada masyarakat	Peratus Peningkatan Penerima Manfaat	10% peningkatan setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Pembukaan Cawangan Baharu	Bilangan Cawangan Dibuka	5 cawangan	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Penambahbaikan Skim Ar-Rahnu	Bilangan Kajian Pembangunan Produk	2 kajian setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Pengukuhkan Pengurusan Ar-Rahnu Melalui Teknologi Terkini	Peratusan Penggunaan Teknologi Terkini	80%	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Penubuhan Kelab Sahabat Ar-Rahnu	Bilangan kelab	1 kelab	2018	Pengurusan Mal
Usahawan Emas	Peratusan Peningkatan Usahawan Emas	20% orang usahawan setahun	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Penawaran Konsultansi Ar-Rahnu	Peratus Konsultansi dilaksanakan	100% konsultansi	2019 - 2022	Pengurusan Mal
Pengembelangan Dana Ar-Rahnu	Jumlah Pengumpulan Dana	RM15 juta	2018 - 2022	Pengurusan Mal
Penubuhan Perbadanan Ar-Rahnu	Bilangan Perbadanan	1 Perbadanan	2022	Pengurusan Mal



MEMPERKASAKAN TADBIR URUS, MODAL INSAN DAN IMEJ KORPORAT KE ARAH ORGANISASI PENTADBIRAN ISLAM YANG CEMERLANG

● Strategi 1

Memantapkan Tadbir Urus dan Profesionalisme ke Arah Meningkatkan Penguasaan Ilmu, Kompetensi, Produktiviti dan Inovasi Organisasi

● Strategi 2

Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Manusia ke Arah Memantapkan Pembangunan Organisasi

● Strategi 3

Memantapkan Pengurusan Kewangan ke Arah Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Organisasi

● Strategi 4

Meningkatkan Imej MAIDAM melalui Promosi dan Penjenamaan Korporat

PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 1: MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN PROFESIONALISME KE ARAH MENINGKATKAN PENGUASAAN ILMU, KOMPETENSI, PRODUKTIVITI DAN INOVASI ORGANISASI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Pemantapan Kecemerlangan Organisasi	Bilangan Pensijilan EKSA	1 pensijilan	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Bintang Penarafan Indeks Akauntabiliti	5 bintang	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Pensijilan ISO MAIDAM	1 pensijilan	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pemantapan Kecemerlangan Organisasi	Bilangan Bintang Penarafan Laman Web	5 bintang	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pemantapan Peraturan Dan Undang-undang Sedia ada	Bilangan Peraturan-peraturan/ Kaedah-kaedah Yang Disemak dan digubal	5 peraturan/ kaedah-kaedah	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Enakmen Baru Yang Digubal	1 enakmen	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pembudayaan Standard Profesionalisme	Bilangan Kajian Kepuasan Pekerja	1 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Peningkatan Ilmu Pengetahuan Dan Kesedaran Inovasi	Bilangan Latihan/ Kursus	8 kali setahun (dalam Negara)/ 2 pegawai setahun (luar Negara)	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Pegawai Mengikuti Pengajaran Dalam / Luar negara	1 pegawai setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Penyertaan KIK	1 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Peningkatan Kualiti Dalam Tadbir Urus	Bilangan Sistem Baharu Dibangunkan	3 sistem setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Pengurangan Bilangan Teguran audit	50%	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan

STRATEGI 2: MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN SUMBER MANUSIA KE ARAH MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Pengisian Pegawai Mengikut Perjawatan Berdasarkan Keperluan Dan Fungsi Jabatan	% Pengisian Perjawatan	90%	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pertambahan Pegawai Kontrak/ Sambilan/Aktivis Mengikut Keperluan Khas Program	% Penambahan	20% setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Permohonan Perjawatan Baru	1 permohonan	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pemantapan Kepelbagaiannya Kemahiran Pegawai	Bilangan Pusingan Kerja Dalamans / Luaran Agensi	3 tahun sekali	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Kajian Pemantapan Kerjaya Dan Pencapaian Prestasi	Bilangan Kajian Prestasi LNPT (Laporan Nilaian Prestasi Tahunan)	1 kajian setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan

STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI ORGANISASI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Peningkatan Akauntabiliti Pengurusan Perolehan MAIDAM	Pengurangan % Aduan/ Laporan Dalaman/ Luaran	50%	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pemantapan Tahap Integriti Dan Sahsiah	Bilangan Pegawai Ditauliahkan Sebagai Certified Integrity Officer (CeIO)	2 Pegawai	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Kursus/ Seminar Kesedaran Integriti	1 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pemantapan Pengurusan Kewangan	Bilangan Pensijilan Audit Bersih Penyata Kewangan Tahunan	Setiap tahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Pensijilan SAGA (Standard Accounting Government Agencies)	1 pensijilan	2019	Khidmat Pengurusan

STRATEGI 4: MENINGKATKAN IMEJ MAIDAM MELALUI PROMOSI DAN PENJENAMAAN KORPORAT

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Kajian Kepuasan dan Aduan Pelanggan	% Tahap Kepuasan Pelanggan Berpuas hati	90% berpuas hati	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	% Tindakan diambil Terhadap Aduan	90%	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pembangunan Pelan Perancangan Media Dan Promosi	Bilangan Pelan Dibangunkan	1 pelan	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Peningkatan Program Kerjasama Strategik Dengan Agensi Luar/ Institusi Korporat/ Institusi Kewangan/NGO	Bilangan Program Kerjasama	2 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan kerjasama dengan agensi/institusi kewangan/ korporat/NGO	15 institusi/ NGO	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Majlis sambutan 70 Tahun MAIDAM	Bilangan Majlis Sambutan 70 Tahun MAIDAM	1 kali	2019	Khidmat Pengurusan
Konvensyen Pengurusan Harta Umat Islam	Bilangan konvensyen	2 tahun sekali	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pelaksanaan Talian Hotline	Bilangan Talian Hotline	1 talian	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Pemerkasaan Promosi	Bilangan Konvensyen Pengurusan Harta Umat Islam	1 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan Karnival MAIDAM Bersama Masyarakat	2 tahun sekali	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
Penjenamaan Ar-Rahnu MAIDAM	Mempatenkan Ar-Rahnu	1 kali	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan

STRATEGI 4: MENINGKATKAN IMEJ MAIDAM MELALUI PROMOSI DAN PENJENAMAAN KORPORAT

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG-JAWAB
Memperkasakan Promosi Saluran Bayaran Zakat	Bilangan ceramah	80 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan iklan radio	360 spot setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan siaran iklan di akhbar	30 kali setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Bilangan lokasi kaunter bergerak	36 kekerapan kaunter bergerak setahun	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan
	Peratus edaran SMS kepada pembayar mengikut haul	70% daripada data pembayar	2018 - 2022	Khidmat Pengurusan



BAB 05

Implementasi Kearah Kejayaan

Mekanisme Pelaksanaan

Elemen Penentu Kejayaan

Mekanisme Pelaksanaan

Pelan strategik ini merupakan rujukan utama jabatan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Berdasarkan kepada strategi yang telah dinyatakan, setiap bahagian dan unit di MAIDAM hendaklah melaksanakan semua program yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing mengikut indikator dan tempoh sasaran seperti yang ditentukan.

Sesuatu perancangan tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya langkah-langkah implementasi yang realistik dan boleh dilaksanakan. Mekanisme yang tepat akan menghasilkan pulangan dan sasaran yang ditetapkan. Demi mencapai sasaran dan outcome yang digariskan di dalam dokumen pelan strategik ini, beberapa mekanisme Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik MAIDAM 2018 - 2022 telah dirangka.

Empat kaedah mekanisme pelaksanaan yang telah dikenalpasti adalah melalui:

1. PEMANTAUAN PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

Perancangan yang digariskan dalam dokumen Pelan Strategik ini akan dilaksanakan oleh setiap Bahagian/Seksyen/Unit sebagai panduan penyediaan dan penetapan Key Performance Indicator(KPI), Sasaran Kerja Tahunan (SKT) serta mengukur pencapaian MAIDAM. Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) akan dinilai semula pada setiap pertengahan dan hujung tahun bersekali dengan pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik MAIDAM 2018 - 2022 sebagai pemantauan kepada pelaksanaan Pelan Strategik ini. Dokumen Pelan Strategik ini akan digunakan sebagai rujukan dan panduan dalam merancang program-program tahunan, menyediakan bajet mengurus dan bajet pembangunan di MAIDAM untuk sepanjang tempoh lima tahun.

2. LAPORAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK

Pembentangan Laporan Prestasi Pelan Strategik ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan MAIDAM dan akan dijadikan sebagai agenda tetap mesyuarat. Manakala Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik akan ditubuhkan di setiap bahagian. Pencapaian KPI bagi setiap program akan dilapor dalam 2 peringkat mesyuarat iaitu Jawatankuasa Pengurusan MAIDAM dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik. Laporan pencapaian setiap program di bawah strategi-strategi akan diberi perhatian dalam mesyuarat di kedua-dua peringkat berkenaan. Jawatankuasa Kerja akan memberi perhatian kepada program yang signifikan kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan. Tindakan susulan hasil laporan akan dilaksanakan oleh Ketua Bahagian/Seksyen/Unit masing-masing. Peranan dan kerjasama Ketua Jabatan dalam memantau keberkesanan pelaksanaan program adalah amat penting

3. LAPORAN KAJIAN IMPAK DAN PRESTASI PELAN STRATEGI

Kajian impak dijalankan bagi melihat semula kebolehlaksanaan, impak dan prestasi yang dirancang oleh MAIDAM melalui pelan strategik. Kajian ini akan dijalankan setiap 2 tahun bermula pada tahun 2020. Analisa keseluruhan pencapaian pelan strategik akan dibuat pada tahun terakhir pelaksanaan untuk menilai keberkesanannya setiap program dan aktiviti yang dirancang. Setiap Bahagian/Seksyen/Unit dalam MAIDAM perlu menyediakan Laporan Pencapaian untuk dianalisa. Bagi program yang tidak mencapai sasaran, Jawatankuasa Kerja akan membentuk taskforce bagi memastikan mencapai sasaran seperti yang ditetapkan.

4. KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK MAIDAM

Kajian Semula Pelan Strategik MAIDAM 2018 - 2022 akan dilaksanakan selepas separuh tempoh pelaksanaannya iaitu pada tahun 2020, bertujuan untuk menilai pencapaianannya. Jawatankuasa Pengurusan Pelan Strategik akan melaksanakan kajian semula pelan strategik bagi menyelaras hala tuju dan strategi yang bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa. Fungsi utama Jawatankuasa ini ialah menyediakan kepimpinan, panduan polisi serta membuat keputusan ke atas perkara-perkara utama dalam pelaksanaan Pelan Strategik ini. Jawatankuasa ini juga akan mengenal pasti sasaran serta polisi baru yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak semasa. Dengan adanya pemantauan yang baik, MAIDAM dapat memberikan sumbangan yang signifikan bagi mencapai visi, misi dan teras strategik yang telah digariskan.

Elemen Penentu Kejayaan

Kejayaan MAIDAM bagi merealisasikan perancangan yang telah digariskan bergantung kepada beberapa elemen yang berikut:

1. KEPIMPINAN YANG BERWAWASAN

Kepimpinan merupakan faktor penting dalam memastikan kecemerlangan organisasi. Pemimpin adalah peneraju organisasi yang mengintegrasikan kesemua faktor dalam organisasi secara strategik bagi mencapai wawasan, matlamat dan objektif yang ditetapkan. Justeru, kepimpinan yang berwawasan amat diperlukan bagi merealisasikan segala perancangan yang terkandung dalam pelan strategik ini.

2. MODAL INSAN YANG PROFESIONAL

Modal insan adalah sumber utama bagi sesebuah organisasi, di samping sumber-sumber lain seperti mesin, peralatan, kewangan dan sebagainya. Kejayaan organisasi mencapai visi, misi dan matlamat yang ditetapkan bergantung kepada keupayaan modal insan yang dimilikinya. Dalam memastikan kejayaan Pelan Strategik MAIDAM 2018 - 2022, modal insan yang profesional dan berwibawa amatlah diperlukan.

3. BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

Budaya kerja berprestasi tinggi adalah antara faktor penentu kepada kejayaan MAIDAM merealisasikan segala perancangan yang terkandung dalam dokumen pelan strategik ini. Pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi menuntut warga MAIDAM bekerja secara sistematik, kreatif, inovatif berintegriti, mengutamakan semangat berpasukan serta sedia berubah bagi mendepani cabaran.

4. PEMBANGUNAN PRASARANA DAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pembangunan prasarana dan sistem teknologi maklumat terkini akan menyumbang ke arah peningkatan kecekapan pentadbiran dalam pengurusan MAIDAM. Ia seterusnya akan membantu MAIDAM melaksanakan hasrat *stakeholder* untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

5. PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

Persekutuan tempat kerja yang selesa, selamat dan bersih merupakan antara elemen penting bagi sesebuah organisasi. Keselesaan persekitaran tempat kerja akan mendorong warga MAIDAM bekerja dengan lebih komited dan bersungguh-sungguh bagi memenuhi aspirasi jabatan, sekaligus meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

6. PERUNTUKAN KEWANGAN

Aktiviti dan program MAIDAM yang dirangka melalui pelan strategik ini amat bergantung kepada peruntukan kewangan yang mencukupi agar mencapai outcome yang dihariskan. Justeru, pengurusan kewangan dan perbelanjaan yang tersusun dan berhemah amat penting selain melaksanakan strategi perkongsian sumber dengan rakan strategik.

7. PEMBUDAYAAN TADBIR URUS YANG CEKAP

MAIDAM akan terus melaksanakan pembudayaan tadbir urus yang cekap. Setiap dasar, peraturan, prosedur kerja, pengurusan kualiti, piagam pelanggan, kod etika, prinsip dan amalan terbaik akan dilaksanakan dalam setiap rangka kerja pada setiap masa agar budaya kerja dan tadbir urus yang cekap dapat diwujudkan. Pelan strategik ini akan menjadi panduan dan kayu ukur kepada keberhasilan setiap program dan aktiviti yang dirancang.

8. KOMITMEN SELURUH WARGA MAIDAM

Komitmen seluruh warga MAIDAM dari pelbagai peringkat sangat diperlukan untuk mencapai program-program ini. Kejayaan MAIDAM adalah terletak di tangan warganya. Kebersamaan dalam melaksanakan program dan aktiviti menjadi kunci kejayaan MAIDAM untuk 5 tahun akan datang.

9. KERJASAMA AGENSI AWAM, SWASTA, KORPORAT DAN BADAN BUKAN KERAJAAN

Selaras dengan pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy), agensi awam digalakkan supaya meningkatkan jaringan kerjasama dengan sektor swasta, korporat dan badan bukan kerajaan. Dalam hal ini, kolaborasi antara MAIDAM dan agensi tersebut dalam menjayakan pelaksanaan strategi dan program yang telah dirancang adalah penting bagi meningkatkan kemastahatan ummah dan negara.

10. MENYUBURKAN KREATIVITI DAN INOVASI

Sokongan daripada semua pihak diperlukan bagi menyuburkan kreativiti dan inovasi setiap warga MAIDAM. Setiap warga MAIDAM boleh mengemukakan kreativiti dan inovasi dalam bidang kepakaran masing-masing untuk membantu mengiktiraf kejayaan MAIDAM sama ada peringkat dalam atau luaran.



BAB 06

Melangkah Ke Hadapan

Mendepani Era Digital

Melangkah Ke Hadapan

Berdasarkan perancangan yang telah digariskan dalam dokumen perancangan strategik ini, MAIDAM sebagai agensi negeri yang diamanahkan menyelaras pengurusan zakat, wakaf dan mal komited untuk kemaslahatan ummah dan negeri terus terpelihara sejajar dengan program transformasi kerajaan dalam pelbagai bidang.

MAIDAM akan sentiasa memperkuuhkan peranannya sebagai agensi peneraju kecemerlangan pengurusan zakat, wakaf dan mal di Negeri Terengganu menjelang tahun 2022 sejajar dengan misinya "Melestarikan Pengurusan Baitulmal Untuk Memartabatkan Sosio-Ekonomi Umat Islam Melalui Pemerkasaan Perkhidmatan Teras Yang Amanah, Berintegriti Dan Menepati Syarak."

Permuafakatan dan jalinan kerjasama dengan semua pihak, terutamanya majlis agama Islam negeri serta agensi-agensi lain sama ada di peringkat persekutuan atau negeri juga perlu diperkasakan agar agenda pembangunan ummah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik. Oleh itu, sumbangan tenaga dan idea secara kolektif ditagih agar matlamat yang telah direncanakan dapat dicapai sepenuhnya.

Akronim

Nilai-nilai bersama MAIDAM

AKRONIM	MAKSUD
M	Muafakat
A	Amanah
I	Integriti
D	Daya Usaha
A	Akauntabiliti
M	Mesra



مَجْلِسِ إِيمَانِ اِسْلَامِ مَرْدَانِ عَادَتِ مَلَوِيْنِيْغُونِيْفِي
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

Pusat Pentadbiran Islam Terengganu

Kompleks Seri Iman
Jalan Sultan Mohamad
20519 Kuala Terengganu



www.maidam.gov.my



info@maidam.gov.my



09-630 3030



09-624 8134